



SEBAHAGIAN ibu bergambar bersama bayi masing-masing yang dilahirkan sempena tahun baharu di Hospital Tuanku Jaafar, Seremban semalam.



NAIB Presiden Jabatan Operasi Unit Amanah dan Pentadbiran Rekod ASN, Mohd. Azuddin Sham Abdullah (berdiri tiga dari kiri) bersama ibu dan bayi yang lahir di Hospital Putrajaya.



NAIB Presiden Jabatan Jualan dan Pengurusan Saluran dan Jabatan Business Solutions ASN, Mohd. Yazid Jali (enam dari kiri) bergambar bersama penerima ADAM50 di Hospital Shah Alam.

Menerima insentif Amanah Dana Anak Malaysia 2050 sebanyak RM200

300 bayi tahun baharu dilahirkan

KASMA 07/01/2018 NIS 06

KUALA LUMPUR – Lebih 300 bayi yang dilahirkan di seluruh negara sempena Tahun Baru 2018 semalam menjadi antara bayi terawal yang menerima insentif Amanah Dana Anak Malaysia 2050 (ADAM50).

ADAM50 merupakan hadiah yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menerusi Bajet 2018 kepada semua bayi warganegara Malaysia yang lahir dalam tempoh 1 Januari ini sehingga 31 Disember 2022.

Di Hospital Kuala Lumpur, seramai lima bayi lelaki dan tiga bayi perempuan dilahirkan petakat pukul 12 tengah hari semalam.

Seorang suri rumah, Nur Syazana Abd Aziz, 30, berkata, dia gembira apabila selamat melahirkan anak kelimanya seberat tiga kilogram di hospital tu semalam.



IDRIS (tengah) beramah mesra dengan Mashitah Othman, 39, yang sedang memamgu bayinya selepas menyampaikan sijil ADAM50 di HSA, Johor Bahru semalam.

“Lebih menggembirakan saya dan suami apabila bayi ini menerima insentif ADAM50 yang akan menjadi pelaburan awal untuk masa depan,” katanya.

Di Johor Bahru, seramai 10 bayi yang dilahirkan semalam

bertuah apabila menjadi antara penerima terawal insentif ADAM50 bernilai RM200 daripada Permodalan Nasional Berhad (PNB) di Hospital Sultanah Aminah (HSA) semalam.

Penyampaian insentif itu di-

sempurnakan oleh Timbalan Presiden dan Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Pengurusan Aset PNB, Datuk Idris Kechot.

Di Shah Alam, dua bayi lelaki dan tiga bayi perempuan dilahirkan di Hospital Shah Alam di antara pukul 12.45 tengah malam sehingga 7.15 pagi semalam.

Seorang ibu, Wan Ruzana Saarani, 25, berkata, insentif diberikan kerajaan itu menggalakkan ibu bapa menabung seawal mungkin untuk masa depan anak-anak.

Setakat petang semalam, lebih 110 bayi dilahirkan di seluruh Selangor.

Di Melaka, seramai 10 bayi yang dilahirkan sempena Tahun Baru 2018 menjadi penerima pertama dana tabungan permulaan ADAM50 di Hospital Melaka.

Seorang suri rumah, Maria Mansor, 30, yang berasal dari Seremban melancong ke Melaka pada Sabtu lalu namun tidak menyangka akan melahirkan anak seminggu lebih awal daripada jangkaan di Hospital Melaka.

- Program yang diperkenalkan kerajaan dengan kerjasama Permodalan Nasional Berhad
- Menggalakkan budaya menyimpan dan melabur rakyat Malaysia seawal usia baru lahir
- Semua bayi warganegara Malaysia yang lahir dalam tempoh 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2022
- Dana tabungan awal sebanyak RM200
- Wang dikreditkan ke akaun Amanah Saham Bumiputera bagi bayi bumiputera atau Amanah Saham 1Malaysia untuk bayi bukan bumiputera
- Pemohon perlu membuat pendaftaran di cawangan-cawangan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) atau ejen-ejennya
- Pendaftaran dalam tempoh setahun selepas bayi dilahirkan
- Dana RM200 tidak boleh dikeluarkan sehingga anak mencapai usia 18 tahun

Peruntuk RM100 juta setahun untuk hadiah bayi baru lahir

KUALA LUMPUR – Sebanyak RM100 juta diperuntukkan kerajaan dalam tempoh setahun untuk pemberian insentif Amanah Dana Anak Malaysia 2050 (ADAM50) sebanyak RM200 kepada bayi yang lahir bermula Januari ini sehingga 31 Disember 2022.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB), Datuk Abdul Rahman Ahmad berkata, ibu bapa boleh membuat pelaburan tambahan ke dalam Amanah Saham Bumiputera bagi bayi bumiputera hingga 200,000 unit dan

Amanah Saham 1Malaysia (bukan bumiputera) hingga 50,000 unit.

“Sekiranya ibu bapa membuat penambahan secara tetap sebanyak RM50, jumlah pelaburan itu akan mencecah RM19,575 setelah bayi tersebut berumur 18 tahun,” katanya selepas menyampaikan sijil ADAM50 kepada lapan bayi yang dilahirkan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) di sini semalam.

Hadir sama Pengarah HKL, Datin Dr. Nor Akma Yusof.

Abdul Rahman memberitahu, pihaknya amat berharap ibu bapa atau peniaga dapat

memanfaatkan ADAM50 yang diberikan kerajaan dengan kerjasama PNB itu.

Bagaimanapun, 200 unit insentif skim berkenaan serta semua dividen yang diperoleh bagi jumlah permulaan hanya boleh dikeluarkan selepas usia anak mencapai 18 tahun.

Pelaburan tersebut boleh dibuat melalui cawangan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) di seluruh negara, portal myASNB di www.myasnb.com.my, ejen ASNB seperti Maybank dan CIMB Bank serta perbankan online seperti Maybank2u dan CIMB Clicks.



ABDUL RAHMAN (berdiri di kiri) bersama Nor Akmar (berdiri di kanan) bergambar bersama penerima siji ADAM50.